

13/11/1999

Dr M putuskan senarai: Sanusi

MENTERI Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata senarai calon Barisan Nasional (BN) di Kedah akan mengandungi sedikit perubahan dengan beberapa muka lama digugurkan.

Beliau berkata, senarai akan diputuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi disesuaikan dengan keadaan semasa dan kawasan pilihan raya.

Bagi Umno, pemilihan calon akan ditentukan oleh Dr Mahathir yang mengenali calon yang bakal dipilih.

"Tidak akan ada perubahan besar yang akan dilakukan oleh Dr Mahathir... cuma perubahan kecil untuk disesuaikan dengan keperluan semasa," katanya selepas pertemuan dengan wakil rakyat Kedah dan ketua parti komponen BN, di Alor Star semalam.

Beliau berkata, sementara calon Umno ditentukan Dr Mahathir, MCA menetapkan calon masing-masing, manakala MIC dan Gerakan dalam peringkat terakhir berbuat demikian.

Mengenai calon Umno, Sanusi berkata oleh kerana Dr Mahathir lebih mengenali mereka daripada beliau, pemilihan akan dilakukan oleh Perdana Menteri.

Katanya, tidak seperti negeri lain, Kedah tidak akan menyerahkan senarai calon untuk dipilih kerana Dr Mahathir akan menentukan sendiri.

Bagaimanapun, difahamkan Sanusi turut memberikan pandangan dalam pemilihan calon kerana beliau lebih memahami keadaan di Kedah dan calon yang sesuai serta mendapat sokongan pengundi.

Ditanya sama ada Dr Mahathir bersetuju beliau mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuah, di Langkawi, Sanusi berkata, beliau mengumumkan bertanding di kawasan DUN semalam bagi menghentikan spekulasi kononnya beliau akan bertanding kerusi Parlimen.

"Semalam (di Langkawi), saya menyatakan akan bertanding di Langkawi tetapi tidak menyatakan kawasannya ... tetapi saya popular di Kuah," katanya.

Selain Kuah, satu lagi kawasan DUN di Langkawi ialah Padang Mat Sirat yang dimenangi oleh Md Hassan Bulat pada pilihan raya 1995.

Pada pilihan raya itu Sanusi menang majoriti 4,162 undi menewaskan calon Semangat 46, Yusof Abdullah.

(END)